

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [ KAPAR ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KAPAR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen dalam membantu industri 'vape' yang bernilai lebih RM500 juta setahun dan telah membuka peluang pekerjaan kepada lebih 50 ribu orang warga tempatan. Industri ini juga mampu menjana pendapatan negara melalui cukai yang akan dikenakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan kesihatan rakyat Malaysia terjamin. Tanggungjawab ini meliputi pembangunan polisi berkaitan produk yang boleh mendatangkan risiko kepada kesihatan.

2. Rokok elektronik atau vape adalah merupakan sejenis produk merokok yang baru pada masa kini. Rokok elektronik atau vape adalah dikategorikan sebagai **PRODUK BERBAHAYA** kerana penggunaannya mengundang risiko bahaya kepada kesihatan manusia. Masalah penggunaan rokok elektronik juga merupakan satu epidemik global yang mengundang kebimbangan pelbagai pihak terutama di kalangan ibubapa.

3. Bukti saintifik terkini telah menunjukkan kesan penggunaan rokok elektronik kepada kesihatan termasuk:

- a. Kerosakan pada sel badan manusia;
- b. Komplikasi penyakit;
- c. Kesan bahan kimia disebabkan oleh reaksi bahan-bahan campuran dalam cecair rokok elektronik terutama bahan perisa;
- d. Kegagalan penggunaan rokok elektronik bagi tujuan berhenti merokok;
- e. Peningkatan '*dual user*' (dwi pengguna iaitu perokok yang menggunakan rokok konvensional dan rokok elektronik); dan
- f. Peningkatan penggunaan kepada remaja.

4. Nikotin yang dicampurkan ke dalam cecair rokok elektronik atau vape yang juga mengandungi *propylene glycol*, *vegetable glycerin* dan bahan perisa bertujuan untuk menyebabkan pengguna mengalami ketagihan dan kebergantungan kepada produk ini. Nikotin **telah diklasifikasikan sebagai racun dibawah Jadual Pertama (Kumpulan C), Akta Racun 1952 [Akta 366] dan Akta Jualan Dadah 1952 [Akta 368] (Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984).**

Jemaah Menteri yang telah bersidang pada tahun 2016 telah membuat keputusan yang tepat dengan kawalan **cecair rokok elektronik atau vape yang mengandungi nikotin kekal** di bawah Akta ini.

5. Pada masa yang sama, cecair rokok elektronik atau vape yang tidak mengandungi nikotin juga perlu dikawal di bawah undang-undang baharu yang sedang digubal dan sedang dalam penelitian Jabatan Peguam Negara. Ini adalah kerana hasil pemanasan dan interaksi bahan-bahan seperti *Propylene Glycol* (PG) dan bahan perisa boleh menyebabkan penghasilan "*toxic intermediates*" dikenali sebagai "*Volatile Organic Compound*" (VOC) yang menyebabkan kecederaan kepada organ paru-paru yang akhirnya membawa kepada penyakit *E-Cigarette and Vaping Associated Lung Injury* (EVALI).

6. Pakar kesihatan di Malaysia juga telah mengesan **dua kes EVALI** di kalangan dua remaja yang telah dilaporkan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak di mana mereka ini memerlukan rawatan bantuan pernafasan di Unit Rawatan Rapi selain mengalami kecacatan kekal dan terpaksa menggunakan bantuan oksigen. Menurut satu laporan di Amerika Syarikat, kos untuk merawat seorang pesakit EVALI dengan purata tempoh berada di hospital selama 11 hari adalah berjumlah USD 18,938 (bersamaan dengan RM 78,497).

7. Atas faktor-faktor yang dinyatakan di atas maka adalah **TIDAK WAJAR** pihak KKM memberikan komitmen kepada industri ini. Sebaliknya sebagai Kementerian yang bertanggungjawab ke atas kesihatan rakyat Malaysia, KKM ingin mecadangkan agar Kerajaan terus komited untuk mengawal ketat industri ini.

8. Berkaitan pernyataan bahawa industri vape ini mampu menjana pendapatan negara melalui cukai yang akan dikenakan serta dapat membuka peluang pekerjaan kepada lebih 50 ribu orang warga tempatan, perkara ini perlu diperhalusi semula.

9. Ini adalah kerana pembuatan cecair rokok elektronik atau vape adalah sukar dikawal dan paras penggunaan setiap bahan kimia yang terkandung di dalam cecair ini perlu dibuat pemantauan dan penguatkuasaan dengan ketat. Oleh itu, Kerajaan akan memerlukan kos tambahan untuk aktiviti-aktiviti penguatkuasaan. Selain daripada itu, kerajaan juga akan terpaksa menanggung kos rawatan akibat komplikasi penyakit seperti yang dinyatakan di atas.

10. Adalah dibimbangi hasrat kerajaan untuk menjana pendapatan hasil daripada pencukaian rokok elektronik tidak memberi pulangan sepertimana yang diharapkan kerana terpaksa menanggung bebanan penambahan kos operasi penguatkuasaan dan rawatan penyakit. Hal ini juga boleh menyumbang kepada lambakan cecair rokok elektronik dan vape di pasaran gelap.

Sekian, terima kasih.